

11 JUN 1999

Mahathir-Pincang

KEPINCANGAN DIPANDANG SEPI OLEH KUASA BESAR, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak kepincangan yang berlaku dalam orde dunia dipandang sepi oleh negara-negara kuasa besar kerana kepentingan mereka tersendiri.

Bagaimanapun, pandangan yang diutarakan oleh Malaysia yang pada mulanya ditolak, kini telah terbukti bernas dan diterima oleh sebahagian besar negara di dunia, kata Perdana Menteri dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata sempena Konvensyen Umno Johor di Batu Pahat esok.

Konvensyen itu dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pandangan Malaysia itu merangkumi sistem ekonomi, nasib umat Islam yang ditindas, pencabulan hak asasi manusia, demokrasi dan campur tangan asing dalam urusan tempatan.

"Soalnya, apakah kita bersedia memusnah dan menyerah kedaulatan ke tangan pihak asing serta mereka yang tidak bertanggungjawab? Yakinlah bahawa muafakat itu berkat.

"Biarlah bersama kita pertahankan kedaulatan dan kekuasaan demi kebaikan semua," kata Dr Mahathir.

Sejak merdeka kerajaan Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional yang diterajui Umno telah berupaya mewujudkan keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini.

Katanya, rakyat pelbagai kaum dan pegangan agama tidak pernah menghalang mereka hidup secara damai dalam kesepakatan manakala kemakmuran negara dikecapi bersama dalam suasana adil dan saksama.

"Kita mengambil sikap bersatu dalam kepelbagaian. Dengan beraninya kita meneroka satu gagasan baru bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu. Ia adalah lanjutan daripada struktur masyarakat yang telah sedia diperjuangkan," kata Dr Mahathir.

Mengenai Islam, Perdana Menteri berkata: "Perjuangan keislaman kita jelas. Dari segala aspek, kita mahu melihat Islam dimartabatkan."

Beliau berkata bukan mudah untuk mempunyai sistem pendidikan, perbankan dan insurans yang komprehensif dan efisien dengan pelaksanaan secara Islam.

"Namun kita telah berjaya melaksanakannya. Dunia Islam juga ingin mempelajari dari kita. Secara berperingkat juga sistem perundangan Islam kita ketengahkan," katanya.

-- BERNAMA

MKO MAI